

BANTUAN PROGRAM PENGAJIAN ISLAM



YAYASAN
PENDIDIKAN
MAIDAM



14

Objektif

- Menyediakan peluang kepada pelajar cemerlang yang mempunyai minat yang tinggi untuk menyambung pengajian dalam bidang Pengajian Islam di Timur Tengah.
- Melahirkan seberapa ramai para ilmuan Islam yang memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda serta mempunyai pengetahuan yang tinggi (Faqih) dalam bidang agama.

Asnaf

- Muallaf, Miskin dan Fisabilillah

Syarat-syarat

- Program ini terbuka kepada pelajar lelaki atau perempuan yang beragama Islam, baligh dan berakal.
- Mempunyai minat yang tinggi untuk menyambung pengajian dalam bidang Pengajian Islam di universiti-universiti yang ditetapkan.

- Pemohon dan ibu bapa / penjaga adalah:
 - i. Rakyat negeri Terengganu yang **menetap** di negeri Terengganu sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** sebelum melanjutkan pelajaran atau,
 - ii. Pemastautin tetap di negeri Terengganu **tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut** sebelum melanjutkan pelajaran.
- Memperolehi keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terkini seperti berikut:
 - i. Bahasa Arab
 - a. Bahasa Arab Tinggi "B+ dan ke atas"
 - ii. Pengajian Islam dalam aliran seperti berikut:
 - a. Agama "A"
 - b. Dini "A"
 - c. Tahfiz "A"
 - d. Syahadah Ulya "A"
 - iii. Bahasa Melayu "A"
 - iv. Matematik "A"
 - v. Lain-lain subjek "A" atau "B" sahaja.
 - vi. Bagi asnaf muallaf mengikut kelayakan minimum di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)

- Tidak mendapat apa-apa bantuan sama ada elaun, pinjaman, biasiswa, dermasiswa atau seumpamanya dari mana-mana sumber atau badan-badan pembiaya yang lain.
- Perlu menyertai **kursus persediaan bahasa** sebelum melanjutkan pengajian ke luar negara (jika perlu).
- Berpeluang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda tajaan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
- Kuota pemilihan pelajar **tidak melebihi dua puluh (20) orang setahun** yang akan dibuat melalui proses temuduga.
- Pembiayaan pengajian berstatus “Dermasiswa Bersyarat” dan disediakan tiket penerbangan pergi dan balik.
- Permohonan bantuan tidak dapat dipertimbangkan sekiranya ibu dan bapa pemohon yang bekerja di Negeri Terengganu tidak menunaikan zakat sepenuhnya kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) boleh mengenakan syarat-syarat tambahan dalam perjanjian pembiayaan.

- Permohonan bantuan tidak boleh dipertimbangkan sekiranya pemohon melakukan perbuatan salah laku dalam apa jua cara pun ketika dalam tempoh pengajian yang diperakui oleh pihak
- Keutamaan diberikan kepada para pelajar yang tergolong dalam kalangan anak-anak asnaf miskin atau mana-mana yang dipersetujui oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
- Pendapatan kasar ibu dan bapa pelajar tidak melebihi RM20,000.00 sebulan bagi pengajian dalam dan luar negara.

Kadar Pembiayaan

- Kadar pembiayaan untuk sesi / tahun pertama sebanyak RM28,000 termasuk kos yuran pengajian dan sara hidup. Bantuan komputer riba berjumlah RM3,000 juga diberikan kepada pelajar asnaf miskin dan muallaf sahaja. Manakala untuk sesi / tahun kedua hingga akhir bergantung kepada keputusan sesi / tahun sebelumnya sama ada Jayyid, Jayyid Jiddan atau Mumtaz seperti jadual berikut:

Bil	Pencapaian	Negara Jordan	Tempoh
1	Jayyid	RM 28,000.00	Pembiayaan selama 4 tahun
2	Jayyid Jiddan	RM 29,000.00	
3	Mumtaz	RM 30,000.00	

Kaedah Permohonan/ Perlaksanaan

- Sila layari laman sesawang Yayasan Pendidikan MAIDAM (<https://www.ypmaidam.my>).
- Pemohon perlu mengisi borang program yang ditetapkan serta menghantar dokumen-dokumen seperti berikut :
 1. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa/penjaga dan adik beradik dalam tanggungan.(Untuk permohonan kali pertama sahaja/ tambahan tanggungan)
 2. Salinan slip gaji ibu dan bapa/penjaga atau akuan pendapatan bulanan (bagi yang bekerja sendiri atau pesara swasta)/ penyata pencen/ kad pesara (bagi pesara kerajaan) yang terkini.
 3. Sijil-sijil akademik (SPM/Sijil Berhenti Sekolah).
 4. Salinan slip permohonan Jabatan Pendidikan Tinggi.
 5. Sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
 6. Salinan akaun bank pelajar yang jelas dan aktif
(selain Tabung Haji dan Amanah Saham Bumiputera (ASB)).
- Bantuan ini akan disalurkan kepada yang berkenaan.



Sila imbas untuk
maklumat lanjut